



Kos penjagaan kesihatan yang semakin meningkat menjadi satu kebimbangan bagi kebanyakan kita. Di Singapura, penjagaan kesihatan dipastikan termampu untuk semua rakyat Singapura menerusi subsidi yang tinggi dari pemerintah dan ditambah pula dengan rangka kerja 3M yang menyeluruh – Medisave, MediShield dan Medifund. Dalam bahagian pertama daripada siri empat bahagian ini, Kementerian Kesihatan (MOH) memberi informasi asas mengenai penjagaan kesihatan yang termampu.

Medisave Mengurangkan Bayaran Wang Tunai Bagi Bil Hospital

Cik Annie Wong, 45 tahun, berasa amat terkejut apabila beliau didapati menghidap barah kolorektal pada Julai lalu, iaitu, sejenis barah yang paling lazim dihidap di Singapura. Beliau telah berjumpa doktor apabila beliau mengalami pendarahan semasa membuang air besar. Ibu dua anak lelaki berusia 12 dan 16 tahun itu berasa sedih, takut dan amat bimbang tentang kos perubatannya. "Suami saya juga menghidap penyakit barah sebelum ini dan sebahagian simpanan wang tunai kami sudah digunakan," jelas beliau.

Cik Annie telah berhenti kerja lapan tahun yang lalu untuk meluangkan lebih masa untuk keluarganya. Jawatannya sebagai setiausaha membayar gaji yang lumayan. Kini dengan hanya satu sumber pendapatan, beliau sememangnya bimbang yang penyakitnya akan menambah beban kewangan bagi keluarganya. "Disebabkan penyakit barah, saya tidak berupaya untuk memasak dan membersihkan rumah, serta mendidik anak-anak saya, dan ini bermakna saya perlu mendapatkan khidmat pembantu rumah dan guru tuisyen," jelas Cik Annie. Cik Annie telah menjalani pembedahan untuk



"Ia amat melegakan saya dan keluarga saya. Saya kini boleh memberi tumpuan kepada pemulihan dan rawatan kemoterapi berterusan",
-- Cik Annie.

membuang tumor dalam rektumnya (dubur). Dia dirawat di Hospital Universiti Nasional (NUH) selama enam hari. **Perbelanjaan perubatannya yang mencapai \$15,391 amat membolehkan beliau, tetapi ini telah dikurangkan kepada \$3,178 kerana beliau telah memilih untuk dirawat di wad B2, di mana subsidi pemerintah menampung sehingga 65 peratus daripada bil tersebut.**

Di hospital-hospital awam, para pesakit boleh memilih kelas penginapan wad yang sesuai dengan bajet mereka. Pesakit yang memilih wad Kelas B2 dan C boleh mendapat subsidi yang tinggi – sehingga 80 peratus daripada bil perubatan pesakit.

Bagi Cik Annie, wad "ekonomi" tersebut, tanpa kemudahan seperti telefon peribadi dan pilihan doktor tertentu, cukup sesuai untuknya. Beliau tahu bahawa beliau akan diberi rawatan yang berkesan dan terkini, sama seperti mereka yang dirawat di wad yang lebih mahal. Seperti kebanyakan

orang, kebimbangan Cik Annie adalah jumlah wang tunai yang diperlukan bagi membayar perbelanjaan perubatan.

Mujurlah bagi Cik Annie, pilihannya untuk dirawat di wad B2 dapat mendatangkan penjimatan yang banyak dari segi kos perubatan. **Dari jumlah bil sebanyak \$3,178, beliau hanya perlu membayar \$678 dengan wang tunai. Bakinya, sebanyak \$2,500, dibayar dengan menggunakan wang Medisavenya.** Kini, beliau masih mempunyai lebih dari \$20,000 dalam akaun Medisave and wang simpanannya yang boleh digunakan untuk rawatan perubatan berterusan.

HURAIAN BIL HOSPITAL CIK ANNIE

Jumlah Bil selepas Subsidi Pemerintah	\$3,178
Tempoh Penginapan (Bilangan Hari)	6
Medisave membayar (\$1,800 + \$700)	\$2,500
Medisave yang boleh digunakan bagi tempoh penginapan (maksimum \$300 sehari)	\$1,800
Bayaran Pembedahan	\$700
Pesakit membayar (\$3,178 - \$2,500)	\$678
Peratusan yang dibayar pesakit dengan wang tunai	21%

MediShield Membawa Faedah

Seperti Cik Annie, Encik Lim Yew Kee berasa gembira dengan gabungan subsidi pemerintah, serta bayaran daripada Medisave dan MediShield, apabila beliau dimasukkan ke hospital Oktober lalu. Beliau menjalani pembedahan jantung (juga dikenali sebagai 'coronary artery bypass graft'). Beliau dirawat di wad kelas B2

selama 10 hari.

Penyelia jualan berusia 40 tahun itu dan keluarganya berasa bimbang tentang perbelanjaan perubatan, jumlah wang yang perlu dibayar daripada simpanan mereka yang terhad dan rawatan hospital seterusnya. Ia adalah masa yang amat sukar bagi mereka. "Isteri saya bimbang

tentang siapa yang akan menjaga anak-anak jika dia perlu mendapatkan pekerjaan sambilan sekiranya bil perubatan terlalu tinggi," kata Encik Lim. Beliau menambah, "Anak-anak saya masih kecil, hanya tiga, enam dan sembilan tahun, dan kami lebih suka ibu mereka di sisi mereka." Masalah yang dihadapi tidak dapat dileraikan sebelum Encik Lim menjalani pembedahannya.

mencukupi dan beliau juga dilindungi di bawah skim MediShield.

Beban fikirannya terhapus apabila beliau mendapati bahawa beliau langsung tidak perlu membayar dengan wang tunai disebabkan perlindungan Medisave dan MediShield serta subsidi pemerintah sebanyak 65 peratus bagi wad B2.

"Saya gembira saya mempunyai insurans perubatan dan perubahan pada MediShield telah membantu menampung sebahagian besar bil ini. Saya sukar percaya bahawa saya langsung tidak perlu membayar dengan wang tunai," kata Encik Lim.

Pembedahan beliau berjaya tetapi apabila beliau dibenarkan pulang, jumlah bilnya amat besar, iaitu sebanyak \$13,200. Mujurlah Encik Lim mempunyai wang simpanan Medisave yang

Penjagaan Kesihatan Termampu Melalui 3Ms

Medisave

Ini adalah skim simpanan wajib yang ditubuhkan dalam 1984 yang membolehkan para individu menyumbang sebahagian daripada pendapatan mereka ke dalam Tabung Simpanan Pekerja (CPF) bagi perbelanjaan perubatan mereka atau anggota keluarga terdekat mereka. Medisave boleh digunakan untuk membayar rawatan hospital, pembedahan yang tidak memerlukan penginapan di hospital, dan rawatan pesakit luar yang tertentu. Wang yang disimpan di dalam akaun Medisave anda juga membolehkan anda meraih faedah pada kadar faedah CPF semasa.

Sehingga akhir 2004, purata baki Medisave ialah sekitar \$12,000, satu jumlah yang besar memandangkan purata bil rawatan hospital bagi kelas C adalah sekitar \$800 sahaja bagi setiap penginapan.

Sekitar 85 peratus rakyat Singapura yang menerima rawatan hospital telah menggunakan wang Medisave mereka untuk membayar bil hospital.

MediShield

MediShield adalah satu pelan insurans perubatan bagi penyakit serius yang boleh dibeli secara sukarela dan berkos rendah. Diperkenalkan pada 1990, ia membantu para anggota dan tanggungan mereka membiayai kos rawatan bagi pelbagai penyakit serius yang berpanjangan yang mungkin tidak cukup untuk ditampung dengan menggunakan Medisave sahaja. MediShield menampung sebahagian besar perbelanjaan hospital termasuk penjagaan intensif, pembedahan dan implan. Ia juga menampung rawatan dialisis bagi pesakit luar dan kemoterapi serta radiografi bagi rawatan barah.

MediShield telah dipertingkatkan pada Julai 2005 untuk memberi faedah yang lebih baik, skim diskaun bagi pelanggan setia dan peningkatan dalam usia perlindungan maksimum dari 80 kepada 85 tahun. Dengan rombakan tersebut, bahagian bil yang perlu dibayar pesakit yang dirawat di wad B2/C bagi bil hospital yang tinggi, kini dapat dikurangkan dari sekitar 60 peratus sebelum ini kepada 30 peratus.


Medifund

Rakyat Singapura yang tidak mampu membuat bayaran wang tunai meskipun dengan Medisave dan MediShield boleh mendapatkan bantuan Medifund. Ia adalah satu dana endowment yang ditubuhkan oleh Pemerintah sebagai jaringan keselamatan bagi mereka yang memerlukan bantuan kewangan untuk membayar bil perubatan mereka. Para pesakit boleh memohon bagi Medifund menerusi Pekerja Perubatan Sosial (MSW). Setiap hospital awam mempunyai sebuah Jawatankuasa Medifund untuk menilai setiap kes.

Dalam 2004, bantuan Medifund sebanyak \$16.1 juta telah menolong 16,400 pesakit Kelas B2/C yang memerlukan bantuan kewangan.

HURAIAN BIL HOSPITAL ENCIK YEW KEE

Jumlah Bil selepas Subsidi Pemerintah	\$4,240
Tempoh Penginapan (Bilangan Hari)	10
Medisave membayar (Bil sebanyak \$4,240 - \$1,500 - \$369)	\$2,371
Tolak 'Deductible' (wang yang perlu dibayar pesakit sebelum insurans berkuatkuasa)	\$1,500
Tolak Insurans bersama (co-insurance)	\$369
Medisave membayar	\$1,869
Pesakit membayar (\$4,240 - \$2,371 - \$1,869)	\$0
Peratusan yang ditampung MediShield	56%
Peratusan yang ditampung Medisave	44%



Untuk maklumat lanjut, sila lungsurilah laman www.moh.gov.sg.

Approval Disclaimer
Before signing the artwork, please ensure that all elements of the advertisement are correct.
SPH shall not be liable for any error or entertain any dispute thereafter. We appreciate your understanding.

creative director: **creativestudio**
designer: **trifly**
art director: **visualbrand**
copywriter: **copywriter**
sales: **Chia Hye Sin**
visual design/line: **23.1.2006** / **16.04.06/ama**
color: **18&1 spot - color code**
others: **climark**
system order no: **12345678-1**